

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang telah kita adakan pada sebelah pagi, kita telah selesai meluluskan satu Akta Perbekalan 2017/2018 dan Ketetapan-Ketetapan dalam Perkara VII. Maka sekarang kita sambung semula Perkara VIII - Ucapan-Ucapan Penangguhan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik. Lebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan dengan izin-Nya jua makanya kaola dapat bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sepanjang Majlis Mesyuarat Negara dijalankan hinggalah ke saat Ucapan Penangguhan mesyuarat pada petang ini.

Kaola juga menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan melantik kaola sebagai Ahli Yang Berhormat bagi mewakili Zon 2 Daerah Belait.

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara ini merupakan satu pengalaman yang sungguh bermakna dan berharga bagi kaola sebagai Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang baharu dilantik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لِلَّهِ
Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara telah sempurna dilaksanakan. Dalam kesempatan ini, kaola merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin pemesyuaratan dengan jayanya. Kaola berharap permesyuaratan yang telah berjalan selama lebih kurang 11 hari telah mencapai tujuan dan matlamatnya.

Majlis Mesyuarat Negara ini adalah sebagai wadah ataupun *platform* untuk menilai keberkesanan sistem pentadbiran, pembentukan serta pelaksanaan dasar kerajaan iaitu bagi meluluskan Perundangan dan Belanjawan 2017/2018.

Saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan kerana berkesudian mendengar

serta mengambil perhatian mengenai cadangan-cadangan dan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan. Dalam kegawatan ekonomi ini tentunya negara akan berbelanja secara berhemah. Kaola berharap semoga peruntukan yang telah diluluskan ini dapat digunakan sepenuhnya untuk projek yang telah dirancang dengan teliti.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sebagai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dari Daerah Belait khasnya dari Zon 2 dan selaku pemimpin akar umbi yang banyak membawa beberapa agenda atau isu yang mungkin dianggap sebagai tidak sesuai dicadangkan dalam Dewan yang mulia ini namun disebabkan sebagai amanah yang dipertanggungjawabkan maka kaola sampaikan jua dengan berpandukan kepada apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 yang lalu yang berbunyi:-

"Ahli-Ahli Yang Berhormat juga diharap dapat mengemukakan pandangan-pandangan dan saranan-saranan bernas tanpa takut-takut atau ragu-ragu untuk kepentingan masyarakat dan negara."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** saya telah pun menyuarakan apa yang telah

diamanahkan kepada kaola untuk disampaikan dalam Dewan yang mulia ini mengenai hasrat penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam terutamanya di kawasan Zon 2 di Daerah Belait yang sangat-sangat memerlukan perhatian terutamanya dari segi kemajuan, keselesaan dan pembangunan.

Antaranya ialah memfokuskan ke arah sektor pertanian, agrimakanan serta industri pelancongan yang boleh menjana ekonomi dan akan mengubah landskap kawasan tersebut untuk menjadi penyumbang utama di daerah tersebut. Semoga dengan cadangan-cadangan berkenaan, akan dapat diberi perhatian dan diambil maklum oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Akhirnya kaola memohon ampun dan maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Di Lantik, Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan pegawai-pegawai serta kakitangan yang bertugas di sepanjang mesyuarat Majlis ini dijalankan. Kiranya ada kata-kata yang kurang elok serta tingkah laku yang sumbang di sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, yang baik itu datangnya daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan yang kurang elok itu datangnya daripada diri kaola juga.

Untuk akhirnya, kaola tinggalkan Dewan yang mulia ini dengan 2 rangkap pantun yang berbunyi:-

*Masuk ke hutan mengumbut
rotan getah,
Sambil mengail si ikan keli,
Kalau ada tingkah laku dan
kata-kata yang salah,
Mohon jangan disimpan di dalam hati.*

*Dari Mukim Labi ke Mukim Sukang,
Sambil melawat terus mengetam padi,
Kalau ada umur yang panjang,
الْحَمْدُ لِلَّهِ *jika diizinkan, kita berjumpa lagi.**

Sekian terima kasih, Yang Berhormat
Yang Di-Pertua. وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan
Penangguhan seterusnya akan
disampaikan oleh Yang Berhormat
Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul
Wahab bin Apong:**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,
dan Ahli Rasmi kerana jawatan dan Ahli
Yang Berhormat Yang Dilantik.

Dalam kesempatan ini, lebih dahulu
saya mengucapkan syabas dan tahniah
kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua
kerana memimpin Mesyuarat di Dewan
yang mulia ini dengan cemerlang dengan
dibantu oleh Yang Dimuliakan Jurutulis
dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta
pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-
Majlis Mesyuarat.

الْحَمْدُ لِلَّهِ Peruntukan Belanjawan
2017/2018 telah pun diluluskan dalam

Mesyuarat Pertama Dari Musim
Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis
Mesyuarat Negara yang baru selesai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dewasa
ini kita merasakan dan menyaksikan
kepayahan dalam mendapatkan peluang-
peluang pekerjaan bagi anak-anak
tempatan seperti juga apa yang telah
terjadi di negara lain bahawa ijazah
bukan lagi jaminan untuk mendapatkan
pekerjaan termasuk agensi-agensi
kerajaan. Anak-anak tempatan juga
menghadapi persaingan dalam
mendapatkan peluang pekerjaan
di sektor swasta yang disebabkan banyak
faktor lain seperti tahap kemahiran,
pengalaman, masalah gaji yang rendah
dan perkara lain yang membimbangkan
kita dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Seperti
juga di negara lain salah satu cara yang
berkesan mengatasi untuk mendapatkan
peluang-peluang pekerjaan adalah
dengan menyalurkan lebih ramai anak-
anak tempatan untuk bergiat dalam
kegiatan pertanian yang aktif dalam
sektor perusahaan dan perniagaan. Pada
masa ini 80% kegiatan perniagaan dan
perusahaan dalam negara kita dikuasai
oleh peniaga dan pengusaha dari luar.

Dalam masa yang sama kakitangan
jawatan yang penting juga disandang
oleh orang luar terdiri daripada saudara
mara dan sahabat handai dari negara
mereka.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Jumlah
kegiatan orang luar sepatutnya
berkurangan untuk memberi ruang

kepada anak tempatan. Ini disebabkan berbagai-bagai inisiatif telah diusahakan oleh kerajaan seperti penubuhan *Darussalam Enterprise (DARE)* dan institut yang terbaharu *SME Bank* yang berasaskan konsep syariah adalah satu inisiatif yang diharap akan dapat meningkatkan dan memperkembangkan lagi aktiviti-aktiviti perniagaan khususnya bagi generasi muda yang menyediakan kemudahan pinjaman kewangan yang mudah.

Begitu juga Program *I-RDY*, kursus bagi platform para graduan yang memasuki alam pekerjaan sama ada sektor swasta atau sektor awam. Kerjasama yang diberikan oleh pihak swasta tempatan memberi peluang dan memberi kemudahan berkursus, latihan dan peluang pekerjaan.

Sebenarnya, keperluan tenaga asing sepatutnya hanya diperlukan dalam bidang tertentu dan bukannya menjadi bos atau pengusaha dalam kegiatan warga tempatan yang dilakukan seperti orang asing berniaga menggunakan lesen orang tempatan dalam industri kecil sederhana. Setiap projek kecil pekerjaan yang tidak memerlukan kepakaran bahawa 70% kesempatan tersebut orang luar yang menggunakan lesen orang tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tidaklah akan berpanjangan lebar dalam ucapan kaola. Sebagai penutup Ucapan Penangguhan ini kaola mengambil kesempatan untuk memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana

Jawatan dan Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik serta semua warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, terdapat tingkah laku yang kurang sopan dan perkataan yang menyinggung perasaan yang tidak disenghajakan, sekian

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
 السَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam
 sejatera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat semua Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Yang Dilantik.

الْحَمْدُ لِلَّهِ lebih dahulu kaola mengambil kesempatan untuk meyembahkan sekali lagi setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan baginda mengurniakan Peruntukan Belanjawan, 2017/2018 yang baru sahaja selesai diluluskan dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Kaola berpendapat bahawa Peruntukan Belanjawan, 2017/2018 adalah berpatutan sekali dengan keadaan

situasi masa ini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan keupayaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengendalikan Majlis Mesyuarat Negara ini maka, Majlis Mesyuarat berjalan dengan lancar dalam suasana yang penuh kemesraan. Dalam masa yang sama, dapat menyelesaikan beberapa persoalan dengan jayanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tidak lupa juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat kerana sokongan mereka yang membantu kaola sepanjang permesyuaratan ini. Begitu juga ucapan setinggi penghargaan dan tahniah kepada semua Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan kerana sedaya upaya dan kesabaran dan telah memberikan penjelasan atau jawapan terhadap cadangan dan pertanyaan kaola.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sebagai Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dari Daerah Tutong khususnya mukim-mukim dalam Zon 2 selaku pemimpin akar umbi yang banyak memikirkan kesejahteraan anak-anak buah, sudah setentunya membawa sedikit isu-isu mukim dan kampung yang disuarakan oleh anak-anak buah mukim semasa permuzakarahannya yang lalu. Di samping membawa isu-isu nasional,

isu-isu mukim dan kampung itu kalau dibiarkan akan menjadi masalah dan menimbulkan kesan yang kurang selesa.

Sebagai contoh, iaitu isu jalan raya yang rosak oleh kenderaan yang berat yang membuat satu projek pembinaan yang tidak dibaik pulih dengan sempurna yang hanya ditampal dengan simen menyebabkan jalan berbonggol-bonggol dan bertingkat-tingkat menjadi kerosakan kepada kenderaan dan mungkin juga menyebabkan kemalangan.

Selain itu, masalah sampah juga menjadi kerisauan penduduk kampung yang tidak ada tempat pembuangan sampah. Kalau ada pun tempatnya tidak sesuai dan perlu dipindahkan.

Selain itu, pencerobohan harta benda Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang sering diceroboh. Baru-baru ini, baru 2 saja hari satu Stesen Kecil di Kampung Sebakit Atas dan satu lagi Stesen Kecil di Batang Mitos dicerobohi. Kita memikirkan tentulah kalau dibiarkan orang menjaga sudah tentu perkara ini tidak ada orang yang berkesanggupan diadakan untuk menjaganya setiap malam.

Kaola cadangkan jika boleh iaitu pemasangan *CCTV* di kawasan tersebut. Dengan adanya kecanggihan peralatan sekarang ini boleh diakses menerusi telefon mungkin juga dari telefon penghulu atau ketua-ketua kampung boleh melihat apa saja yang berlaku.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh perkembangan ekonomi negara selain dari sektor minyak dan gas industri pelancongan merupakan satu aktiviti yang berdasarkan perkhidmatan, dapat menjana pendapatan negara dan juga meningkatkan imej negara kerana pendapatan negara boleh diperolehi dari aliran masuk orang asing dan aliran wang dalam negara menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi percutian yang boleh menjana peluang-peluang pekerjaan.

Oleh itu, jika beberapa perkara atau produk penting dibantu dan dimajukan serta dinaiktarafkan, , *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* bidang pelancongan akan memberikan penghasilan yang lumayan kepada negara ini.

Misalannya di Daerah Tutong, penerokaan kawasan "pasir putih" yang tanahnya putih melepak; menara melihat anak bulan di Bukit Ambok bagi menikmati keindahan Bandar Tutong dan sekitarnya; pembinaan resort dan taman selera di Tanjung Danau yang menyerlahkan keindahan laut dan sungai diisi dengan aktiviti memancing dan memandu *ATV*; menyusur sungai dari Pekan Tutong menuju ke hulu Sungai Layong atau hulu Sungai Telamba, melihat alam semula jadi, burung-burungan dan binatang liar di tepi sepanjang sungai yang sering menggamit kehadiran pelancong asing terutamanya dari Asia Barat, Eropah, Amerika dan Asia Tenggara; dan mempromosikan berbagai-bagai destinasi yang lain yang sudah terkenal di negara ini.

Juga mengubah suai bangunan Pejabat Mahkamah Lama Daerah Tutong menjadi galeri untuk mempamerkan artifak, peralatan dan memperkenalkan puak-puak Daerah Tutong. Sehubungan itu yang penting ialah melaksanakan program tranformasi pelancongan negara dan kalendar Tahun Melawat Brunei dengan mempromosikan tempat-tempat menarik di setiap daerah. Kempen Promosi Pelancongan boleh menampilkan keunikan, keharmonian dan kepelbagaian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bahagian yang sering menjadi tumpuan ialah penyediaan makanan tempatan dan tradisional. Ia membantu membangunkan Produk Pemakanan Mukim dan Kampung. Negara ini boleh diperkenalkan sebagai destinasi *hub* halal. Sehubungan itu, bangunan Pusat Aktiviti Perekonomian adalah suatu kemudahan yang perlu difikirkan bagi menyatukan semua produk mukim.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Semua yang kaola sebutkan di atas tadi adalah destinasi yang boleh menarik perhatian pelancong. Jika diusahakan dan dilaksanakan dengan kerjasama *stakeholder* dan agensi-agensi yang berkepentingan, pihak berkenaan perlu bijak memanipulasikan panorama persekitaran yang cantik, tinggalan sejarah, keunikan budaya, kemajuan ekonomi, peluang pendidikan dan penganjuran acara bertaraf antarabangsa akan menarik kadar kehadiran pelancong yang tinggi. Menggunakan kemudahan *online* (atas talian) adalah

berkesan dan kos pemasaran pelancongan dapat dioptimumkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Industri kreatif boleh dimajukan di negara ini kerana ia mempunyai kepelbagaian yang menjanjikan pulangan dalam ekonomi negara, di samping itu menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk, contohnya Industri Kreatif Multimedia seperti penerbitan filem, televisyen, periklanan, seni reka, animasi dan kandungan digital; Industri Kreatif Seni Budaya seperti kraft tangan, seni visual, seni musik, seni persembahan, penulisan kreatif, fesyen dan tekstil; dan Industri Kreatif Warisan Budaya seperti aktiviti muzium, pemuliharaan dan pemeliharaan.

Bidang kraf pula dilihat mempunyai potensi dan prospek yang tinggi dalam membantu menjana ekonomi negara kerana industri kraf merentas sempadan, sosiobudaya dan geofizikal masyarakat di negara ini, contohnya batik, bahan ukiran, seni khat, tenunan, anyaman, tembikar, alat permainan, perhiasan, gubahan dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, dasar Industri Kreatif Negara perlu diperkemaskinikan.

Akhirnya kaola memohon maaf, andainya terdapat kesilapan dan kecacatan kaola di sepanjang permesyuaratan dan mengharapakan semoga apa juga hasil dari permesyuaratan ini akan mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu akan menyampaikan Ucapan Penangguhannya.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ط
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

salam sejahtera dan selamat petang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola dengan hati yang tulus ikhlas dalam menyokong setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Ucapan Penangguhan sebelah pagi tadi, iaitu atas kepimpinan, kebijaksanaan dan kesempurnaan Yang Berhormat selaku Yang Berhormat Yang Di-Pertua, yang telah memimpin sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat ini dengan jayanya.

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara, telah pun tiba ke penghujung dan melabuhkan tirainya. Di Dewan yang mulia ini, marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala denan limpah rahmat serta izin-Nya juga negara kita telah sekian lama dikurniakan dan menjadi sebuah negara yang aman damai lagi diredai oleh Allah.

Keadaan sedemikian itu adalah hasil berkat daulat serta kebijaksanaan dan

kepimpinan yang berwibawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa kuat berpegang kepada ajaran-ajaran agama Islam dengan berpandukan Al-Quran dan Al-Sunnah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sesungguhnya negara kita turut *terbubuh* oleh kejatuhan harga minyak dan gas di peringkat global. Namun negara masih lagi kekal dan mampu merancang pembangunannya. Ini juga atas kebijaksanaan dan pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan mengamalkan sifat berjimat cermat, berbelanja ikut keperluan, bukan mengikut kemahuan.

Menyedari hakikat tersebut Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga, melalui kementerian-kementerian telah pun mengatur dan membuat Pelan Strategik masing-masing bagi memelihara kekukuhan kewangan negara serta mampu untuk menyediakan peruntukan-peruntukan yang besar untuk Tahun Kewangan 2017/2018 sesuai dengan tema belanjawan negara, "Belanjawan Seimbang bagi Mendukung Perekonomian yang Mapan."

Selaku rakyat dan penduduk negara ini, sewajarnya mengambil ingatan dan memahami situasi yang dialami oleh negara pada masa kini dan pada masa yang sama terus-menerus bersatu padu

dan bekerjasama dalam mendukung kepimpinan raja yang kita kasihi yang sentiasa mengkehendahkan kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini supaya terjaga dan terpenuhi.

Ke arah itu sebagai rakyat dan penduduk di negara ini sama ada ia sebagai seorang individu, anggota masyarakat, kakitangan perkhidmatan awam, perkerja swasta dan lain-lainnya sewajarnya kita menyahut dan mengambil bahagian sesuai dengan kemampuan masing-masing dalam menyokong dan mendukung segala usaha yang telah dibuat kerajaan itu dan memastikan segala rancangan dapat dilaksanakan dengan baik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Seterusnya kaola mewakili bagi segenap lapisan rakyat dan penduduk Daerah Temburong sekali lagi menzahirkan sokongan menyambut baik dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan baginda mengurniakan titah di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara, pada 6 Mac 2017 yang lepas.

Begitu pun juga kaola menyambut baik dan menyokong segala rancangan yang telah dirancang untuk dilaksanakan oleh kementerian-kementerian termasuklah juga dalam melaksanakan projek yang belum selesai dan masih dalam

rancangan seperti mana yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan bagi kementerian masing-masing. Adalah menjadi harapan orang ramai yang ingin semua melihat projek-projek yang dirancang akan dilaksanakan sesuai dengan jangka masa yang telah ditetapkan.

Dalam usaha menengahkan Daerah Temburong di mata umum menjadi Daerah Temburong sebagai Pusat Pelancongan yang mengambil hati pelancong-pelancong sama ada luar ataupun dalam negeri yang terkenal dengan kepelbagaian kebudayaan dan kesenian, terkenal dengan produk-produknya yang unik serta mempunyai identiti tersendiri, perlulah diperkasakan dan diusahakan bukan sahaja bermusim tetapi hendaklah dibuat sepanjang masa.

Kaola mengharapkan juga segala projek yang telah dirancang bagi Daerah Temburong seperti pembinaan sekolah menengah, sekolah Arab, pengubahsuaian dan pembesaran beberapa buah masjid dan suaru, menaik taraf dan pemuliharaan jalan raya yang rosak dan ketiadaan air serta tekanan air rendah yang dihadapi akan dapat diteruskan dan dilaksanakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam usaha pihak kerajaan bagi memastikan kelangsungan hidup serta keberkesanannya supaya rakyat dan penduduk negara ini sentiasa sihat wal a'fiat, cergas dan bertenaga perlulah menjaga kesihatan dan mengawal pemakanan dan minuman serta

melakukan aktiviti fizikal bagi mengawal penyakit apa yang disebut penyakit yang tidak berjangkit.

Dengan yang demikian bukan saja dapat membantu kerajaan dalam mengawal penyakit yang tidak berjangkit tetapi mengurangi perbelanjaan kerajaan yang bukan sedikit serta dapat digunakan kepada perkara yang lebih bermanfaat. Islam adalah *ad-din* yang amat menitikberatkan kesejahteraan termasuk dalam menentukan gaya hidup sihat. Gaya hidup sihat berkait rapat dengan jasmani, mental, emosi dan rohani.

Gabungan kesihatan fizikal, mental, emosi dan keharmonian ini akan menentukan kualiti hidup seseorang itu termasuklah tahap prestasi kerjanya bahkan tempoh hayatnya. Oleh sebab itu, kesihatan merupakan harta yang amat bernilai dalam kehidupan seseorang insan yang perlu sentiasa dijaga dan diberi perhatian dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi mengakhiri Ucapan Pernangguhan kaola di Dewan yang mulia ini sekali lagi bagi mewakili rakyat dan penduduk di Daerah Temburong merafakkan sembah menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan *dan* Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pemedulian dan keprihatinan baginda yang sangat mendalam terhadap rakyat baginda. Kaola juga merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga baginda serta kerabat-kerabat diraja akan sentiasa dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Baginda kekal karar memerintah di singgahsana Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai. Marilah kita sama-sama berdoa terhadap Allah Subhanahu Wata'ala semoga raja kita yang dikasihi, pembesar-pembesar negara, pemimpin-pemimpin masyarakat dan semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa mendapat lindungan Allah, selamat di dunia dan akhirat serta dijauhi daripada azab api neraka. *أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ*

Dalam Majlis ini kaola juga ingin memohon maaf jika terdapat kesalahan dan kesilapan yang tidak disengajakan di sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat ini berlangsung.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan-ucapan balas ataupun respons daripada Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan didahului oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua)

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

Kewangan II (Kedua): Terima kasih Yang Dimuliakan Jurutulis

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. *الْحَمْدُ لِلَّهِ* kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua kita telah sampai ke sesi penutup Persidangan Mesyuarat Pertama *Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara* bagi tahun 1438/2017.

Kaola lebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan pada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin dan memandu permesyuaratan ini dengan efektif, lancar lagi sempurna dalam suasana tenang harmoni, penuh kesabaran terbuka dan semangat muhibah.

Dengan pimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Dewan ini telah dapat menjuruskan perbincangan kepada isu-isu strategik dan berkeutamaan sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah institusi yang menjadi lambang keunggulan sistem kerajaan di negara ini.

Penghargaan juga kaola ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara kerana telah menyokong dan meluluskan pembentangan Rang Undang-Undang (2017) Perbekalan, 2017/2018 tanpa sebarang pindaan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ di sepanjang persidangan ini beberapa cadangan membina dan bernilai tambah juga telah dibawa ke dalam perbincangan di Dewan ini. Ini termasuklah cadangan dan saranan yang boleh membantu usaha-usaha kerajaan untuk mengembangmajukan sektor swasta dalam menjana aktiviti-aktiviti ekonomi negara dan membuka lebih banyak lagi peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan. Kaola juga tertarik dengan cadangan-cadangan mengenai bagaimana *NGO's* dan para belia boleh melibatkan diri dan seterusnya memberikan sokongan serta menghulurkan sumbangan secara sukarela. Apa jua saranan maklum balas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat amatlah kaola hargai dan ia akan dijadikan sebagai nilai-nilai tambah dan *input* dalam sebarang penelitian dasar dan strategi yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan khususnya di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan berasaskan keutamaan dan keperluan.

Namun demikian, kaola juga ingin menarik perhatian bahawa terdapat juga isu-isu yang ditimbulkan tidak berasaskan kepada data dan fakta yang betul dan *up to date*. Perkara ini kaola berpendapat perlu diambil perhatian sewajarnya bagi mengelakkan kekeliruan bukan saja kepada orang ramai tetapi juga kepada pengusaha-pengusaha dan pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur di negara ini. Malahan terdapat juga saranan-saranan yang ditimbulkan dalam Dewan ini nampaknya dibawakan tanpa sebarang kajian yang secukupnya, mengenai punca berlakunya

isu berkenaan dan kesan yang mungkin akan timbul jika saranan tersebut dilaksanakan. Perkara seperti ini jika tidak dikawal dikhuatiri boleh membantutkan usaha kerajaan untuk menarik Pelaburan Langsung Asing dan menjejaskan keharmonian masyarakat serta kewibawaan Dewan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam keadaan ekonomi negara yang terus mengalami cabaran harga minyak dan gas yang rendah, salah satu keutamaan kerajaan dalam jangka masa pendek ialah untuk mencapai keseimbangan fiskal. Ke arah itu dalam pengurusan kewangannya kerajaan akan terus mengamalkan dasar perbelanjaan berhemah ataupun *prudent spending* dan seterusnya memastikan perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan akan memberikan manfaat dan impak yang optimum kepada seluruh masyarakat di negara ini. Oleh itu corak dan keutamaan perbelanjaan perlu *dirationalise* dan diseimbangkan.

Sehubungan dengan itulah, dalam pembentangan cadangan Belanjawan Tahun 2017/2018 kita telah menggariskan fokus-fokus utama perbelanjaan kerajaan yang antaranya termasuklah untuk mendukung dasar pembelbagaian ekonomi negara di samping meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran rakyat dan penduduk negara ini. Ini kerana sektor swasta yang kukuh akan bertindak menjadi jentera peneraju pertumbuhan ekonomi yang diharapkan akan dapat menyumbang kepada peningkatan

pelaburan modal ataupun *capital formation* dan akan menjana lebih banyak peluang pekerjaan yang berkualiti kepada anak-anak tempatan. Selaras dengan perancangan dan keperluan inilah juga kerajaan telah menyediakan peruntukan yang diperlukan walaupun diunjurkan akan terus mengalami kedudukan defisit bagi Tahun Kewangan 2016/2017 dan Tahun Kewangan yang akan datang 2017/2018.

Dalam perkara ini, seperti pada tahun-tahun sebelumnya kaola masih lagi berharap dan tertunggu-tunggu untuk mendengar lebih banyak cadangan dan saranan bernilai tambah daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berhubung kait dengan cara kita untuk mengawal situasi defisit pada masa ini sama ada dari segi meningkatkan hasil, mahupun mengurangkan perbelanjaan kerajaan.

Ini terutama sekali mengambil kira keadaan harga minyak di pasaran global yang dijangka akan berterusan mengalami tekanan dalam jangka waktu yang panjang. Kaola berpendapat di sinilah letaknya peranan semua pihak bersatu padu dan bersatu hati sebagai pendekatan *whole of nation* untuk sama-sama membantu kerajaan dalam meringankan beban dari kemelut ekonomi ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Anggaran Belanjawan yang disediakan, maklumat mengenai jumlah perbelanjaan yang perlu disediakan oleh kerajaan untuk terus menyediakan beberapa keperluan asas seperti bekalan

elektrik, bekalan air, perumahan dan sebagainya ada dinyatakan dengan jelas. Kebanyakan kemudahan dan keperluan asas ini telah dihulurkan oleh kerajaan secara subsidi bahawa perbelanjaan sebenar kerajaan adalah lebih tinggi daripada bayaran yang dikenakan kepada penerima atau pengguna.

Namun demikian jumlah tunggakan dari pengguna-pengguna yang terdiri daripada pihak swasta dan orang ramai kepada agensi-agensi kerajaan masih juga tinggi yang setakat ini keseluruhannya berjumlah kira-kira \$461 juta. Tunggakan ini jika dilunaskan, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan dapat juga meringankan tanggungan perbelanjaan kerajaan dalam menampung keperluan operasi pemberian perkhidmatan tersebut serta meningkatkan lagi tahap perkhidmatan tersebut mengikut keperluan semasa.

Dalam hal ini, kaola ingin memohon kerjasama dan jasa baik Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama membawa perhatian anak buah dan komuniti masing-masing mengenai pentingnya tuntutan-tuntutan perkhidmatan kerajaan untuk dilunaskan dalam masa yang ditetapkan semata-mata bagi keperluan bersama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti juga pada tahun-tahun sebelumnya akan berterusan memberikan keutamaan dan penekanan kepada usaha

mempelbagaikan asas sumber perekonomian dan pendapatan negara.

Antara inisiatif yang diambil termasuk untuk menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing yang berkualiti, mengembangmajukan perusahaan-perusahaan tempatan terutama perusahaan mikrokecil dan sederhana, memudah cara perniagaan termasuk mengemaskinikan dasar-dasar dan peraturan-peraturan berkaitan dan sebagainya yang sekali gus mendukung produktiviti negara.

Ke arah itu kita semua amat bersyukur dengan kepimpinan bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam, Baginda telah memperkenankan pewujudan projek Program *I-RDY* khususnya bagi graduan-graduan tempatan yang masih mencari pekerjaan.

Program *I-RDY* ini yang akan dilancarkan bermula April 2017 akan dapat memberikan manfaat bersama antara peserta, pihak majikan dan graduan yang mencari kerja itu sendiri. Ini kerana majikan-majikan yang menyertai program ini akan dapat memanfaatkan ilmu dan kepakaran yang telah terdapat pada graduan-graduan tempatan untuk meningkatkan produktiviti perusahaan atau operasi mereka manakala para graduan pula akan dapat meningkatkan kemahiran mereka di samping menimba pengalaman yang amat berguna bagi meningkatkan prospek mereka dalam memperolehi pekerjaan.

Di peringkat negara peningkatan produktiviti sektor swasta dan kerajaan akan dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan kadar pertumbuhan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menyentuh mengenai produktiviti negara kaola bersyukur dan berbangga pada waktu ini kita telah menyaksikan lebih ramai belia tempatan melibatkan diri dalam bidang keusahawanan termasuk perniagaan secara *online*.

Sebahagian mereka melakukannya secara sambilan, manakala sebahagiannya pula melibatkan diri secara sepenuh masa. Perkara ini satu perkembangan yang amat menggalakkan yang diharap menjadi inspirasi kepada belia lain yang masih mencari pekerjaan atau menimbangkan untuk menceburi bidang ini.

Apa yang lebih menarik ialah penyertaan belia tempatan ini menggambarkan satu perubahan minda yang positif dengan kesediaan mereka untuk berusaha sendiri dan bukan semata-mata bergantung harap pada pihak lain.

Selaras juga dengan tumpuan membantu perkembangan *MSME* di negara ini pihak kerajaan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan terus mengambil inisiatif-inisiatif yang bersesuaian bagi mendukung matlamat ini. Dalam hubungan ini usaha kerajaan untuk menubuhkan *SME* Bank seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam di Dewan yang mulia baru-baru ini menunjukkan komitmen tinggi kerajaan dalam mendukung perkembangan sektor swasta di negara ini.

Langkah kerajaan dalam peluang pinjaman kewangan yang mudah didapatkan (*accessible financing*) diharapkan mengalakkan lebih banyak lagi perusahaan baharu (*start up*) dibangunkan di negara ini dan membuka berbagai-bagai peluang pada pengusaha-pengusaha *SME* untuk meneroka perancangan bagi perkembangan operasi mereka ke tahap aktiviti pengeksportan.

Kerajaan akan berterusan menyediakan peluang-peluang meluaskan jaringan dan pendedahan (*networking and exposure*) melalui penyertaan ekspo-ekspo perniagaan di dalam dan di luar negara dan lain-lain.

Semua inisiatif ini termasuk yang diterajui oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah Sultan, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi dan Sponsor PENGERAK, mencerminkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat sektor perusahaan dan sektor perniagaan di negara ini berkembang dengan pesat

dan menyumbang secara lebih aktif kepada perekonomian negara.

Dalam hubungan ini, kaola ingin menyeru semua pihak majikan akan memberikan kerjasama yang padu bagi menjayakan program-program ini dengan memberikan galakan dan imbuhan yang bersesuaian serta memelihara kebajikan pekerja-pekerja mereka agar lebih ramai lagi anak-anak tempatan akan bekerja di sektor swasta
إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Negara dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Semasa membentangkan Rang Anggaran Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2017/2018, kaola juga telah mengongsikan mengenai perubahan kepada cukai kastam ke atas beberapa jenis barangan yang berkuat kuasa mulai 1 April 2017. Penelitian dan pengemaskinian kadar-kadar cukai eksais tersebut bertujuan mencapai beberapa matlamat dalam meningkatkan sosio-ekonomi rakyat dan penduduk di negara ini.

Antara matlamat tersebut termasuklah bagi mengurangkan beban perbelanjaan bagi golongan yang berpendapatan rendah, meningkatkan keselamatan bagi pengguna-pengguna jalan raya, menggalakkan permintaan domestik, mengawal penggunaan produk-produk tertentu yang boleh menjejaskan kesihatan awam, mengurangkan kos perniagaan dan lain-lain. Langkah-langkah yang diambil ini adalah selaras dengan usaha berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kesejahteraan dan penduduk rakyat di negara ini terus dipelihara dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Sehubungan dengan ini kaola juga ingin mengambil kesempatan untuk menyeru para peniaga untuk tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang lebih tinggi dengan menetapkan harga barangan yang tidak selaras dengan perubahan kadar cukai eksais yang dikenakan. Jika perkara sedemikian didapati berlaku pihak kerajaan melalui agensi-agensi berkenaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bagi mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola ingin menyeru agar semua rakyat dan penduduk di negara ini untuk terus mendukung dan menyambut baik akan usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Kita perlu bergerak dan bertindak dalam satu barisan yang bersepadu, berkayuh ke destinasi yang sama selaras dengan pendekatan *whole of nation approach* agar kesejahteraan yang kita nikmati ini akan dapat terus dipelihara dan berkekalan kita wariskan kepada generasi yang akan datang
إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Dengan tekad dan azam yang jitu dan dengan izin Allah Subhanahu Wataala kita bukan sahaja dapat mengharungi

cabaran masa kini dengan jayanya malah akan dapat mewujudkan satu masyarakat perkasa yang dinamik, *resilient*, kukuh dan harmoni dengan semua usaha yang dirancang dan dilaksanakan akan mendapat keberkatan dan kerehaan Allah Subhanahu Wataala.

Marilah sama-sama kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan mengurniakan taufik petunjuk dan hidayah-Nya membuka minda, menyatukan hati kita semua ke arah jalan-jalan yang berkebajikan supaya kita akan dapat menangani cabaran ini dengan ikhlas, tabah dan penuh keredaan dan tanggungjawab, sekian.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan balas Ke-2 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas usaha dan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam

memimpin Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun ini dengan lancar dan teratur.

الحمد لله Negara Brunei Darussalam terus dalam keadaan makmur di bawah kepimpinan raja yang sangat prihatin akan kesejahteraan rakyatnya. Kemelut ekonomi ini bukanlah kali pertama yang pernah kita alami malah kita semua telah mengalami kemelut ekonomi yang lebih parah, seperti kemelut ekonomi pada penghujung zaman tahun 90-an. Namun ia berlaku dalam jangka masa yang pendek sahaja.

Tahun demi tahun ekonomi Negara Brunei Darussalam terus bergantung pada hasil pengeluaran minyak dan gas yang dengan sendirinya menyebabkan negara mudah terjejas akibat ketidak tentuan harga pasaran minyak dan gas. Usaha dalam mempelbagaikan ekonomi adalah priority utama ke arah pembangunan negara.

Dengan keazaman yang kuat serta pandangan jauh dan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, cabaran-cabaran ini akan dapat kita atasi.

Walau bagaimanapun, kemelut ekonomi yang melanda negara juga dapat dilihat sebagai hikmah daripada Allah Subhanahu Wataala kerana ia dapat membuka peluang bagi kita semua untuk memperbaiki dan menambahkan

efisiensi jentera kerajaan serta memperkasakan sektor swasta.

Dalam pada itu juga, cara-cara kita mengatasi keadaan ekonomi mestilah berdasarkan prinsip dan nilai murni Melayu Islam Beraja (MIB). Kita perlu menyelesaikan isu-isu dengan cara bermesyuarah. Kita perlu ingat bahawa Raja kita bukan sahaja Raja kepada orang Melayu tetapi Raja bagi seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang dikasihi.

Dari itu, marilah kita amalkan prinsip MIB dalam segala urusan kita dalam Dewan yang mulia ini ataupun di luar Dewan tanpa ada agenda yang menyakiti mana-mana pihak. Kita perlu juga ingat bahawa agama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Agama Islam yang definisinya adalah Islam menurut Mazhab Shafie dari Ahli Sunnah Waljamaah seperti yang termaktub dalam Bahagian II, Perkara 3, Fasal (1), Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Dengan ini, tidaklah ada urusan kerajaan dari segi pendidikan atau yang lainnya yang berunsur sekular dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyambut baik saranan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam sesi Mesyuarat tahun ini. Walau bagaimanapun, marilah kita sama-sama menanganinya kerana isu kepentingan ini adalah tanggungjawab semua.

Adakalanya isu-isu yang ditimbulkan ini memerlukan kerjasama Ahli-Ahli Yang

Berhormat jua terutamanya daripada institusi penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dengan berkonsepkan bermuafakat seperti yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Haji Umarali bin Esung tadi.

Jika kita mengimbas kembali kepada perbincangan pada Mesyuarat tahun ini, antara perkara yang menarik ialah mengenai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Kita tidak harus lupa bahawa pada tahun ini, kaola juga merasa terkilan bahawa tidak ada seorang pun Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang mengusulkan perkara ini, dengan kebijaksanaan serta *direct intervention* daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri, Pasar الْحَمْدُ لِلَّهِ Pelbagai Barangan Gadong telah pun ditempatkan di lokasi yang bersesuaian dan tempat penjualan yang selesa sejak 2 Februari 2017.

Ini adalah berikutan pengubahsuaian yang telah dilaksanakan bagi Tamu Kianggeh di Bandar Seri Begawan. Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri telah mengendalikan dan memastikan projek ini berjalan dengan lancar. *Direct intervention* ini telah pun melibatkan seramai 300 peniaga di kedua-dua tempat, dan الْحَمْدُ لِلَّهِ pembiayaan skim mikro kredit juga telah pun diluluskan bagi 19 peniaga di Pasar Pelbagai Barangan Gadong. Projek ini melambangkan keprihatinan

dan kasih sayang raja kepada rakyat dan penduduknya.

Kaola menyeru untuk kita bersama-sama menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mendoakan supaya baginda dan kaum kerabat diraja akan sentiasa berada dalam kebahagiaan, sihat walafiat, dan di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua, Aamiin Yarabbal Alamin.

Pihak kerajaan juga mengakui bahawa akses kepada *finance* ini adalah penting dan الْحَمْدُ لِلَّهِ seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, *SME Bank* akan ditubuhkan dalam masa yang terdekat ini.

Walau bagaimanapun, perlu juga diingatkan bahawa akses kepada *finance* bukanlah penyelesaian yang komprehensif. Sebenarnya, pihak kerajaan telah lama menaruh kepercayaan kepada pengusaha-pengusaha tempatan bahawa bantuan secara penghuluran pinjaman kewangan telah diadakan sejak tahun 1999. Sebanyak \$142.3 juta telah pun dipinjamkan kepada 654 orang usahawan. Terus terang kaola nyatakan, usaha ini kurang berkesan kerana sehingga kini sebanyak \$45.8 juta wang yang dipinjamkan belum dibayar balik.

Kita perlu fokus kepada memperkasakan PMKS supaya ia dapat berdaya tahan

dan menggunakan akses kepada *finance* dengan bijaksana. Kita perlu memastikan agar semua perusahaan-perusahaan tempatan diperkasakan untuk mempunyai kemampuan sendiri seperti membangunkan keupayaan dan pengetahuannya dari segi kualiti *business plan* dan kemajuan bisnes.

Ini juga perlu digabungkan dengan keperibadian pengusaha itu sendiri; kuat dan tegas, berdaya tahan dan tidak mudah berputus asa. Dengan memenuhi dua kriteria ini, dengan sendirinya para usahawan akan dapat meraih akses kewangan dari pelbagai institusi kewangan di Negara Brunei Darussalam, bukan sahaja dari *SME Bank*.

Pihak *DARe* akan sentiasa memainkan peranan penting dalam membina keupayaan dan memupuk kualiti pengusaha-pengusaha dalam usaha kita untuk memperkasakan PMKS ini seperti yang disebutkan oleh rakan sejawatan kaola, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Ucapan Penangguhannya tadi. Dengan membina keupayaan dan mendukung semangat keusahawanan, kita akan melahirkan PMKS yang lebih mapan dan berdaya saing, bukannya PMKS yang hanya hidup pada satu tender atau satu projek sahaja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لِلَّهِ
dengan kepimpinan serta dorongan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah, Menteri Kanan selaku Pengerusi dan Sponsor PENGGERAK, negara telah pun mengalami peningkatan dalam iklim perusahaan *Ease of Doing Business*. Peningkatan negara kali ini dilihat begitu menyerlah dan tidak pernah dicapai sebelum ini.

Marilah kita terus bersama-sama menyumbang lagi kepada kemajuan ekosistem perusahaan. Kejayaan *Ease of Doing Business* ini, mesyuaratnya kerap dilangsungkan pada setiap tiga minggu, adalah berasaskan kerjasama berterusan antara agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Ini menunjukkan bahawa kita lebih efektif jika adanya kesepaduan, seperti perumpamaan "Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh". Marilah kita menghayati pepatah ini dalam apa jua usaha yang akan kita ungkayahkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Satu lagi isu yang ingin kaola tekankan adalah mengenai koperasi. Kaola sendiri telah pun mengadakan beberapa sesi permuzakarah dengan koperasi-koperasi. Akan tetapi, apa yang menyedihkan dalam perbincangan tersebut, terdapat segelintir daripada pengurus-pengurus koperasi yang lebih mementingkan serta mempersoalkan sokongan kerajaan terhadap kemajuan koperasi, sedangkan mereka sendiri telah melupakan bahawa kemajuan dan pengurusan koperasi ini terletak di bahu pemegang amanah.

Ada sebahagian koperasi mengabaikan urus tadbir mereka seperti tidak

pernah mengadakan Mesyuarat Am dijadikan alasan bagi koperasi itu tidak mengadakan Mesyuarat Am Tahunan memandangkan Mesyuarat Am Tahunan mestilah diadakan setiap tahun menurut undang-undang iaitu Seksyen 29C Akta Syarikat Kerjasama.

Satu lagi perkara yang hangat dalam perbincangan tahun ini adalah mengenai peluang bekerja bagi anak-anak tempatan. Pihak kerajaan mengakui bahawa terdapat banyak cabaran dalam menangani isu ini. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** Majlis Perancangan Tenaga Manusia di bawah kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota telah berjaya menubuhkan *Job Centre Brunei*, yang **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan memudahkan lagi proses pencarian pekerjaan.

Isu pekerjaan memerlukan kesinambungan antara kesemua pihak, termasuk pihak kerajaan, sektor swasta, Institusi Penghulu dan Ketua Kampung dan keazaman pencari kerja sendiri. Kaola berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mewakili mukim dan kampung dapat memainkan peranan aktif supaya pengangguran dalam kalangan anak-anak kampung dapat diselesaikan secara berkesan melalui kerjasama dengan pihak *Job Centre Brunei*.

Kaola ingin mengingatkan bahawa inisiatif ini boleh dikatakan masih dalam *work in progress*. Strategi perancangan tenaga manusia baharu dimulakan pada pertengahan tahun lepas dan *Job Centre Brunei* mula beroperasi dalam bulan Disember 2016. Kaola ingin menekankan betapa pentingnya untuk kita semua mencari jalan yang terbaik untuk

mengatasi isu pengangguran ini. Kita boleh memajukan perkara ini bersama-sama ataupun kita boleh bersama-sama menghalang kemajuannya sekiranya kita sentiasa mengkritik setiap langkah yang dibuat mengenainya.

Alangkah baiknya bagi kita semua untuk melawat *Job Centre Brunei* yang kini dibuka 6 hari seminggu dan memberikan maklumbalas yang konstruktif supaya pihak kerajaan akan dapat memperbaiki usaha-usaha murni untuk mendapatkan pekerjaan bagi anak-anak tempatan kita.

Di samping itu, satu strategi yang menyeluruh telah disediakan bagi pembangunan tenaga manusia di peringkat kebangsaan. **الْحَمْدُ لِلَّهِ**, seperti dalam titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara, program *Apprenticeship graduan I-RDY* akan bermula pada bulan April ini.

Sokongan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon dan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis tadi amat kritikal dan dihargai.

Di samping itu, kita hendaklah berpegang kepada sifat bermuafakat, seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Haji Umarali bin Esung tadi

bagi memastikan *Program I-Ready* ini dilaksanakan dengan jayanya.

Seterusnya, bagi membantu mencari kerja bukan graduan, pihak kerajaan berhasrat untuk memperluaskan lagi penyaluran kepada latihan yang menjurus kepada kompetensi anak-anak tempatan dengan penubuhan sebuah institusi yang memfokuskan kepada 30% ke 40% peringkat bawahan untuk meningkatkan kemahiran mereka supaya mereka menjadi *industry-ready*. Perkara ini sedang diteliti oleh pihak-pihak yang berkenaan dan akan dapat direalisasikan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada masa yang terdekat ini.

Pada masa yang sama, terdapat 4 program lagi yang telah diperuntukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Kesebelas (RKN11) iaitu program *Learn and Grow seperti Industry Competency Framework dan skills Accreditation, Growth for Excellence* seperti *Professional Certification* dan program penempatan industri, *Upskilling and Reskilling* bagi pencari kerja tempatan dalam *mid-career* dan *Training Grants* yang membantu membiayai kos bagi kursus bagi pekerja tempatan di syarikat tempatan.

Program-program ini memberi peluang kepada anak-anak tempatan untuk meningkatkan kompetensi, kemahiran dan keupayaan mereka serta penempatan di sektor swasta. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, ini akan dapat membantu anak-anak tempatan kita untuk mendapatkan pekerjaan.

Kaola ingin juga menyentuh sedikit mengenai kepentingan usaha terhadap mengatasi isu perubahan iklim ataupun *climate change*. Pihak kerajaan selama ini melaksanakan beberapa inisiatif mengenainya seperti komitmen pihak kerajaan bagi penurunan sebanyak 63% jumlah Perbekalan Tenaga Utama (*total energy primary supply*) menjelang tahun 2035. Pemberigaaan inisiatif kecekapan dan penjimatan tenaga di bangunan-bangunan kerajaan dan sebagainya.

Peranan dan *leadership* kumpulan belia dan *NGO* seperti *Beach Bunch* dan *Earth Hour* adalah mengalakkan dan mustahak dalam perkara ini dan kaola berharap bahawa mereka akan terus dapat bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam sama-sama mengatasi perubahan iklim.

Dalam menuju ke hadapan, pembangunan ekonomi *digital* di Negara Brunei Darussalam itu amat penting bagi membolehkan pengusaha-pengusaha tempatan terus berkembang dan memudahkan penembusan ke pasaran antarabangsa. Kita perlu membina ekosistem yang akan memudahkan penggunaan teknologi maklumat, bukan sahaja dalam bidang *e-Commerce*, malah dari pelbagai segi yang dapat memantapkan perkhidmatan dan produk tempatan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ pada tahun ini, satu proram akan dikendalikan oleh (*DARe*) bagi memulakan *platform e-Commerce* untuk sekurang-kurangnya 1000 *PMKS* untuk mempromosikan perkhidmatan serta

produk tempatan di dalam dan di luar negara.

Dalam hal ini, kita hendaklah menumpukan perhatian kepada pembangunan keupayaan dan daya inovasi orang-orang kita dalam bidang teknologi maklumat dan *programming* ini supaya mereka mampu meningkatkan lagi keupayaan perindustrian kita.

Sememangnya, jenis-jenis perindustrian yang datang bukan sahaja di bidang tradisional seperti bidang *manufacturing*, malah ia berkait rapat dengan penggunaan teknologi dan penggunaan *big data*.

Namun begitu, kaola ingin menekankan walaupun dalam revolusi *digital* ini, kita janganlah mengabaikan budaya kita, kerana ia melambangkan keunikan kita dan juga menjadi satu kelebihan di dalam bidang perindustrian.

Produk dan perkhidmatan yang berlandaskan nilai-nilai dan budaya kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam sebagai agama rasmi Negara tidak terdapat di mana-manapun dan ia menjadi satu keistimewaan dan *niche advantage* bagi kita pada masa yang akan datang, terutamanya dalam kalangan *consumer* yang beragama Islam mahupun dalam kalangan *consumer* yang menginginkan produk dan perkhidmatan yang beretika, bersih dan berintegriti.

Sebelum kaola mengakhiri ucapan ini, kaola ingin mengingatkan bahawa

kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah satu kelebihan bagi negara ini kerana baginda sentiasa mengutamakan hal-ehwal rakyat.

Seperti mana juga dalam Ucapan Penungguhan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, sebagai lambang penghargaan dan rasa kasih sayang rakyat kepada baginda, kita semua perlulah mengamalkan ciri-ciri yang terbaik dan bersama-sama menyumbang kepada pembangunan dan perpaduan negara bagi kesejahteraan kesemua pihak dan golongan di dalam negara kita yang dicintai ini.

Dengan sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam dan sentiasa bertawakal kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala jua, serta jaminan kita sebagai rakyat untuk taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada agama dan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan meraih kejayaan. **أَمِينَ يَا رَابِلَ عَالَمِينَ** Sekian.

وبالله التوفيق والهداية التاكم عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya cadangkan persidangan ini kita tangguhkan selama 20 minit dan kita menyambung lagi dengan menjemput beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain untuk memberi ucapan.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini kita sambung semula setelah kita berehat selama 20 minit sebentar tadi. Sekarang kita menyambung lagi Perkara VIII untuk Ucapan Penanggulangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan balas daripada pihak *Ex-Official Members* akan dibawakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pehin Udana, Menteri Hal Ehwal Ugama:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. الْحَمْدُ لِلَّهِ syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala permesyuaratan kita musim ini sampai ke penghujungannya dalam suasana muhibah yang mana ke semua ini adalah berkat kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin dan juga dengan berkat kerjasama abiskaola di Dewan yang mulia ini.

Kaola dengan ikhlas sukacita merakamkan penghargaan yang tinggi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sesungguhnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua sentiasa tenang dan sabar memimpin perbincangan dan memberi ruang yang selesa bagi pembentangan Belanjawan oleh abiskaola dan merespons perkara-

perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Demikian juga terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis yang cekap memandu jadual perjalanan persidangan kita. Tidak lupa kaola juga merakamkan terima kasih kepada segenap peringkat pegawai dan kakitangan yang sentiasa senyum dan santun yang sesungguhnya mereka telah menceriakan Dewan ini luar dan dalamnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Khusus mengenai perbincangan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama, kaola menghargai penyertaan seramai 16 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara sekitar ehwal agama yang ada kepentingannya dengan orang ramai. Kaola berterima kasih kerananya dan yakin yang Ahli-Ahli Yang Berhormat ikhlas untuk membantu Kementerian Hal Ehwal Ugama khasnya dan kerajaan amnya bagi menambah elok dan meningkatkan mutu perkhidmatan agama khasnya mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan antaranya dalam bidang pendidikan dan pelajaran agama, tentang kepentingannya termasuk pembinaan prasarana, mengenai dakwah, terutama sekali usaha untuk memandu atau untuk tidak membiarkan orang ramai terbiar terus-menerus terkeliru dan terpengaruh dengan maklumat-maklumat agama dalam media sosial yang tidak selaras dengan kefahaman dan amalan beragama kita di negara ini.

Mengenai perancangan membina masjid termasuklah juga memakmurkan masjid yang sedia ada dan bagaimana mengoptimalkan tenaga belia masjid untuk kemajuan masjid dan kemajuan qariah masjid. Begitu juga mengenai pemakanan halal termasuk juga meningkatkan efisiensi persijilannya dengan mengadakan khidmat *online*. Begitu juga mengenai zakat dan asnafnya terutama sekali untuk meningkatkan keberkesanan agihan zakat bagi melepaskan penerima-penerima daripada rangkaian kemiskinan dan terus bergantung pada agihan zakat.

Kemudian pertalian pentauliahan, kepentingan pentauliahan iaitu pengtauliah mengajar agama dan mengajar Al-Quran kepada pemohon-pemohon untuk memastikan bukan sahaja mutu pengajarannya bahkan juga kesahihan ajarannya supaya sesuai dengan pemahaman serta amalan yang terpakai di negara ini. Tidak kurang penting sekali juga ialah ehwal haji, ibadatnya dan juga mengenai pengurusannya dan ada juga suara-suara tentang keprihatinan kos pakej-pakej haji yang terus-menerus meningkat.

Kaola juga mengambil kesempatan untuk merespons perkara yang dibangkitkan pada sebelah pagi tadi oleh Yang Berhormat wakil Daerah Brunei Muara Zon 5 Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari berhubung dengan saudara-saudara baharu kita di Kampong Bebuluh yang memerlukan perumahan dan diberikan bantuan perumahan dari zakat.

Kaola mengalu-alukan hal sedemikian ini dan yang penting sekali mudah-mudahan Yang Berhormat itu akan membantu yang berkenaan yang memerlukan berurusan dengan Majlis Ugama Islam untuk berjumpa dengan Bahagian Kutipan Zakat dan Agihan bagi menentukan kesahihan mereka sebagai orang muafak.

Mereka memang sebahagian daripada asnaf zakat tetapi dalam perkara agihan zakat ada aturan yang menentukan tempoh-tempoh tertentu bagi seseorang itu kekal dianggap muafak untuk menerima agihan zakat.

Walau bagaimanapun, sekiranya ia sudah terlepas sekiranya 10 tahun ia sudah dianggap tidak layak untuk menerima agihan zakat sebagai muafak, mungkin ia layak dari segi keperluannya kalau ia berkedudukan sebagai fakir dan miskin. Yang Berhormat barangkali dapat menolong untuk menguruskan pengurusan perkara mereka itu dengan Majlis Ugama Islam melalui Bahagian Kutipan Zakat. Dialu-alukan Yang Berhormat dan terima kasih.

Bagi kaola, semua yang dibangkitkan itu menandakan perhatian yang baik masyarakat kepada perkhidmatan agama dan sekali gus juga ia merupakan harapan serta hasrat masyarakat supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama sentiasa berfungsi dengan lebih baik dan dengan lebih berkesan, sebagai sebahagian daripada jentera pemerintahan negara yang mendaulatkan Islam sebagai Agama Resmi dan menjadikan ajaran-ajaran Islam itu panduan dalam bernegara, bermasyarakat dan

berkerajaan bahawa kemajuan agama itu diselaraskan dengan matlamat-matlamat untuk keselamatan negara dan lebih penting lagi ialah untuk keselamatan dan kesejahteraan rakyat dari semua peringkat dan dari segala latar belakang, kaum dan puak.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon untuk beralih kepada perkara lain terutama sekali memfokuskan percakapan kaola selepas ini kepada apa yang kaola dengar dalam Persidangan kita ini. Persidangan yang buat pertama kali menyaksikan lantikan pertama bagi kebanyakan Ahli-Ahli Yang Dilantik kedengaran suara-suara berhubung dengan MIB. Tidak salah kita bercakap atau menyebut-nyebut MIB di Dewan yang mulia ini, kerana di luar sana pun ada suara-suara yang membimbangkan kita.

Kebimbangan yang sering kita dengar seolah-olah MIB itu telah disenyapkan. Inilah masalahnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Masalah MIB dengan orang kita ini, padahal lebih 30 tahun buat pertama kali MIB itu disebut dalam Perhimpunan Kemerdekaan. Banyak perkara yang telah kita lakukan untuk MIB ini. Yang penting sekali ialah kita menubuhkan Majlis Tertinggi Kebangsaan MIB iaitu badan yang tertinggi menasihatkan kerajaan dalam ehwal MIB.

Setelah itu satu lagi yang menjadi yang sangat penting ialah MIB itu dijadikan Mata Pelajaran Teras dalam sistem pendidikan kebangsaan kita. Semuanya itu menunjukkan bukan sahaja teras kepentingan MIB telah diambil kira dan

usaha-usaha untuk menerapkannya, bukan sahaja memahamkannya, tidak diabaikan, apa lagi kalau usaha-usaha itu seperti disenyapkan, yang nyata lagi MIB dari semasa ke semasa diseminarkan dari peringkat awal lagi MIB ini disebut-sebut.

Seminar mengenainya telah diadakan dengan kertas kajian dari ilmuan dalam bidang sejarah budaya, bahasa dan pemerintahan.

Kemudian الْحَمْدُ لِلَّهِ, beberapa buah buku kajian hasil daripada kertas kerja seminar ceramah-ceramah telah dibukukan dan semua ini menunjukkan bahawa kita telah berusaha dengan baik dalam perkara MIB ini. Kerana itulah kita sepatutnya berterima kasih dan selayaknya untuk menyebutkan hal ini dengan perasaan penghargaan yang tinggi. Memang sejak dari peringkat awal setelah Perhimpunan Kemerdekaan menyebutkan mengenai MIB ini.

Kerajaan telah memilih sikap defensif. Memang betul memilih sikap atau defensif kerana kita tidaklah ofensif dalam perkara yang kita diserang mengenainya. Kita cuba merasakan perlu memberikan penjelasan terhadap kekeliruan yang berbangkit terutama sekali menolak sangkaan-sangkaan yang tidak berasas daripada pihak-pihak tertentu di luar negeri tentang motif disebalik menyebut MIB itu dalam watakah Perhimpunan Kemerdekaan. Tapi kita ketahui الْحَمْدُ لِلَّهِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, di dalam negeri penjelasan-penjelasan yang dibuat diperingkat awal itu telah menjernihkan kewahaman dan telah mententeramkan

kebimbangan iaitu kebimbangan yang ketara waktu itu.

Barangkali ramai ahli masih ingat waktu itu kebimbangan yang ketara ialah jika Melayu Islam Beraja itu dijadikan agenda reformasi *social* politik yang tidak selari dengan niat sebenar menyebutkannya dalam watakah Perintah Kemerdekaan dan sekarang, الْحَمْدُ لِلَّهِ setelah lebih 30 tahun kaola tidak fikir ada lagi pihak-pihak yang keliru dan bimbang ataupun walang terhadap niat atau motif Melayu Islam Beraja itu disebutkan dalam watakah Perintah Kemerdekaan.

Kalau ada kebimbangan bahawa MIB itu disenyapkan adalah tidak berasas sebenarnya kerana MIB itu terus menerus diperkukuhkan. Kita bukanlah bersikap seperti ayam jantan berkokok pada waktunya iaitu dalam mengukuhkan ini kita di Brunei yang menerima konsep Melayu Islam Beraja itu telah mengambil langkah-langkah yang paling jelas, yang paling ketara tetapi tidak dirasakan oleh umum apabila kita meminda Perlembagaan Tahun 1959, dan dengan pindaan-pindaan itu kita sebenarnya telah pun mengukuhkan MIB yang sedia ada.

Aspek-aspek dalam Perlembagaan 1959 diperkukuhkan dengan adanya sambutan MIB setelah kemerdekaan maka kita telah memperkukuhkan kuasa-kuasa memerintah tertinggi yang terletak di tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kita telah memperkukuhkan peruntukan sedemikian itu dengan menambah

peruntukan iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah Perdana Menteri, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata.

Semua ini memperkukuhkan MIB itu. Jelas ialah kuasa memerintah tertinggi, begitu juga dalam perkara lantikan menteri atau timbalan menteri, kita telah memperkukuhkannya dan menyelesaikan isu kewahaman dalam kalangan kita sendiri berhubung dengan syarat perlembagaan yang mensyaratkan bahawa menteri dan timbalan menteri adalah dilantik daripada kalangan orang Melayu dan Islam tapi kita telah menyelesaikan perkara itu berdasarkan syarak juga bukan penyelesaian semata penyelesaian politik tapi adalah penyelesaian dari segi hukum syarak yang ada 'Nasfikh' yang membolehkan yang berbunyi "in kanatshi hajah" sekiranya ada keperluan maka dengan nas demikian itu telah digunakan untuk membolehkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diberikan kuasa apabila baginda memikirkan sebaliknya.

Maka peruntukan tersebut masih antik tetapi kita telah menyelesaikan satu isu mengenai kewahaman dan inilah bagaimana kita sebagai orang yang mengamalkan negara MIB itu menyelesaikan isu kita secara MIB.

Semuanya ini bagaimana indahnya perkara-perkara itu juga kita memperkukuhkan peruntukan perlembagaan dari segi institusi

permesyuaratan dan segala yang kita perkukuhkan itu kita dapati sesuai dengan kehendak syarak atau syariah *compliant* patuh syariah umpamanya kita mendapati di sana ada kuasa-kuasa pemutus di tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kita mendapati ada landasan, alasan, nas syarak yang membolehkan sedemikian itu kerana asas yang dikehendaki oleh Allah Subhanahu Wata'ala supaya orang Islam itu mengurus perkaranya dengan bermesyuarat tetapi 'fa iza azamta fatawakal Alallah' maka 'fa iza azamta' itu ditujukan kepada Nabi apabila sudah cukup azam setelah bermesyuarat itu maka bertawakallah kepada Allah.

Bermakna memberi kuasa kepada Nabi untuk menerima atau membuat keputusan yang muktamad mengenai apa yang dimesyuaratkan dan kita laksanakan MIB dari segi Islamnya itu diaplikasikan ke dalam perkara ini.

Jadi tidak ada soal MIB itu disenyapkan. Maka, dipohonkanlah melalui Dewan ini, kita fahami dan tidak terpengaruh jika menyebut MIB itu jangan sekali-kali dengan nada yang muram apa lagi terpengaruh dengan rentak irama yang sumbang, kerana yakinilah bahawa MIB itu tetap akan selamat dalam pangkuan kerajaan sebagaimana adanya pada masa ini.

Satu perkara lagi mengenai MIB ini ialah fokus kita selama ini kepada konsep dan nilainya tetapi tidak menunjuk kepada sumber tentang MIB itu apabila ia disebut dalam Pemasyhuran

Kemerdekaan. Ia disertai dengan azam untuk mengisi kemerdekaan atau azam bahawa kita negara MIB apa azamnya. Perkara ini mestilah juga kita fokus ke arah itu.

Umpamanya adakah kita selama 33 tahun ini, merdeka dengan MIB sebagai falsafah negara kita. Adakah kita gagal melaksanakan azam politik ataupun *political will* kita dalam memasyhurkan Brunei Darussalam sebagai negara MIB itu. Adakah kita pernah gagal?

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi kaola lihat sahaja kenyataan yang ada. Sepanjang lebih 30 tahun Melayu Islam Beraja itu adalah konsep negara dan falsafah kenegaraan. Kita dapat mengatakan dengan tegas bahawa kita telah melakukan banyak perkara terutama sekali dalam perkara pembangunan.

Dalam Pemasyhuran itu telah menyebutkan juga dengan petunjuk kekal sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja untuk selama-lamanya. Dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhannahu Wata'ala juga akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan dan kebajikan serta kebahagiaan.

Apa yang dapat dibuktikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kalau diukur sukat usaha-usaha kita bagi mencapai apa yang disebutkan MIB untuk tujuan ini kalau diukur berdasarkan angka kiraan wang ringgit menurut *Scheme Values* ataupun harga rancangan maka semenjak merdeka dengan rancangan

RKN ke 5 iaitu pada tahun 1986 sampai 1990 sehingga RKN yang lalu iaitu RKN ke 10 iaitu 2012/2017, selama 30 tahun kita telah memperuntukkan sejumlah \$41.9 bilion bagi Rancangan Kemajuan Negara.

Kemerdekaan itu benar-benar kita usahakan mengisinya. Azam kita untuk sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan dan kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat itu benar-benar kita usahakan untuk merealisasikan. Melalui Rancangan Kemajuan Negara tidak termasuk Perbelanjaan Peruntukan kita dalam peruntukan tahunan kementerian-kementerian.

Oleh yang demikian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sudah sampai waktunya kita lebih banyak bercakap tentang Melayu Islam Beraja ini dalam konteks objektifnya yang kaola istilahkan sebagai azam kemerdekaan itu. Sebagaimana menurut titah dalam tahun 2004 di Majlis Penandatanganan Pindaan Perlembagaan 2004, di Lapau, Bandar Seri Begawan pada 29 September 2004.

Bahawa "Kemerdekaan memberikan kita tanggungjawab. Beta sendiri dengan rela hati serta bertawakal kepada Allah menerima tanggungjawab ini untuk membentuk masa depan negara dengan penumpuan dibidang ekonomi, penyediaan pekerjaan bagi rakyat, peningkatan pendidikan dan kesihatan. Terkandung juga tanggungjawab itu ialah meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dan menyediakan infrastruktur pembangunan."

Oleh itu, terutama sekali kepada generasi pasca kemerdekaan, generasi anak-anak ataupun boleh sebahagiannya generasi cucu-cucu kita Yang Berhormat Yang Di-Pertua hendaklah fokus kepada tanggungjawab yang diberikan oleh kemerdekaan itu. Sekali gus mereka hendaklah berusaha mencapai dan memenuhi azam kemerdekaan dengan bernegarakan dengan Brunei Melayu Islam Beraja.

Kaola amat bahagia apabila mendengar komitmen daripada 4 orang Ahli Yang Berhormat dari kalangan generasi baharu sebelah pagi tadi. Mereka mengaku bukan sahaja akan menjadi pemimpin masa hadapan tetapi pada masa ini mereka sudah boleh menjadi pemimpin sudah pun membuktikan kepimpinan mereka.

Mereka diminta supaya dianggap sebagai rakan *walking in* bukan *walking on*. Membahagiakan rasanya Yang Berhormat Yang Di-Pertua dari golongan mereka. Mereka inilah masa depan tetapi dari sekarang mereka mengasah, menajamkan kepimpinan mereka dalam acuan Brunei negaranya Negara Melayu Islam Beraja yang kukuh dengan kemelayuan, keislamannya dan keberajaannya. Dan jangan lupa bahawa dengan menyebut MIB secara motifnya itu adalah inklusif tidak terkhusus kepada rakyat jati sebagainya.

Aspek-aspek mengenai kerakyatan satu aspek yang menjadi pengukuh kepada MIB tetapi objektif MIB itu adalah inklusif kepada rakyat dan penduduk yang berbilang kaum dan bangsa mengikut

taraf kerakyatan dan kependudukan mereka. Tidak eksklusif kepada orang melayu, orang Islam sahaja.

Demikian satu perkara yang patut diambil kira lagi ialah apabila kita bekerja keras untuk mencapai azam kemerdekaan yang menjadi objektif kepada MIB itu. Kita jangan lupa bahawa apa yang kita lakukan itu ialah untuk memperolehi ketenteraman, keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat.

Sesuai pula dengan Melayu Islam Beraja itu ialah paksi semua dasar kita sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini.

Demikianlah Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekali lagi kaola mengucapkan ribuan terima kasih dengan iringan doa semoga Yang Berhormat Yang Di-Pertua sentiasa dalam rahmat sihat sejahtera dan bahagia. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, kaola juga memohon maaf sekiranya ada tersuruk langkah dalam masa kita bersidang ini terutama sekali apabila kaola mengambil masa lebih daripada 10 minit yang diperuntukkan bagi kaola dalam konsep ini. Kaola memohon maaf. Mengikut rakan, kaola bercakap rupanya 25 minit lebih. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya akan

disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لِلَّهِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara ini sudah hampir ke penghujungnya. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan baginda masih mampu untuk menyediakan peruntukan kewangan yang diperlukan negara demi memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di atas kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam terus berjaya memimpin Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara ini dengan penuh hemah sehingga mesyuarat ini telah berjalan dengan lancar, teratur lagi efisien dengan dukungan padu dan penuh dedikasi daripada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis disepanjang persidangan ini dan الْحَمْدُ لِلَّهِ kita telah berjaya meluluskan beberapa perkara penting khususnya

Akta Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2017/2018 ini.

Kaola ingin mengimbas kembali kata-kata nasihat Yang Berhormat Yang Di-Pertua sewaktu Majlis Mesyuarat Negara membahaskan cadangan Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Rabu lepas, bahawa Yang Berhormat telah mengingatkan sebagai pandangan atau respons terhadap cadangan mengadakan semula akuarium bagi menarik para pelancong ke Negara Brunei Darussalam yang nampaknya nasihat ini mempunyai relevan yang agak *universal* atau menyeluruh dan sukacita saya petik sebahagian daripada nasihat Yang Berhormat itu iaitu "Cadangan-cadangan yang dikemukakan setentunya memerlukan pertimbangan daripada pihak-pihak yang berkenaan, salah satu daripada pertimbangan yang mungkin timbul adalah soal kewangan."

Apa yang kaola sendiri sambut baik sebagai peringatan dan panduan bersama daripada nasihat Yang Berhormat ini ialah bahawa penelitian terperinci yang mengambil kira *big picture* atau pandangan menyeluruh yang menyeimbangkan pertimbangan berbagai-bagai aspek dan perspektif adalah perlu dilalui sebelum sebarang cadangan boleh diputuskan sebagai payu serta sesuai untuk dicadangkan atau sebaliknya.

Ini tentunya perlu mengambil kira konteks dan realiti situasi negara kita sendiri dan *circumstances* atau keadaan sekeliling kita sebagai titik tolak penilaian yang menyeluruh dan terperinci. Inilah

kaedah yang Kementerian Pembangunan cuba sedaya upaya gunakan sebagai pendekatan untuk menentukan projek-projek yang dianggap sebagai berkepentingan dan berkeutamaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam kesempatan ini jua kaola ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas soalan-soalan, pandangan-pandangan dan saranan-saranan yang berguna yang telah dikemukakan dalam mesyuarat ini.

Semoga kerjasama dan sumbangan buah fikiran yang bernas ke arah pembaikan dasar, strategi dan pelaksanaan yang diperlukan dalam kita menjaga kepentingan negara akan diteruskan dan dipertingkatkan pada masa akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, berikan kaola peluang untuk menunaikan janji menjawab 2 soalan yang telah dihadapkan oleh Yang Berhormat Haji Ramli bin Haji Lahit yang belum sempat kaola jawab dengan sempurna sewaktu Mesyuarat di Peringkat Jawatankuasa awal pagi tadi.

Soalan yang pertama berhubung dengan jalan alternatif. Jalan alternatif yang dimaksudkan yang disediakan peruntukan bagi Tahun Kewangan 2017/2018 ini ialah Jalan Dadap ke Telanai dalam pada masa ini tahap penyiapan sebanyak 35%. Bagaimanapun Jalan Kecil Telamba walaupun ada dalam perancangan tidaklah tersenarai sebagai keutamaan buat masa ini.

Yang kedua ialah berhubung kolam tadahan dan dataran Sungai Tutong bagi tujuan mitigasi banjir. Perkara ini pada peringkat ini dalam proses tawaran dan skopnya sudah tentu meliputi pembaikan status Sungai Tutong sebagaimana perlu dan sesuai.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang ingin kaola sampaikan dan kaola ucapkan berbilang-bilang terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan balas yang terakhir akan disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Perlancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan dan kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memperkerusi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara ini telah berjalan dengan penuh tersusun dan teratur, dalam keadaan dan suasana yang harmoni, penuh keselesaan dan sangat produktif, serta memfokus kepada membincangkan perkara-perkara strategik demi kepentingan kesejahteraan, keamanan, kemajuan dan pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan sejawatan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat atas segala pemikiran yang membina selama tempoh kita sama-sama bermesyuarat tersebut.

Pemikiran yang dikongsikan oleh Ahli Yang Berhormat, tidak dinafikan sangat berguna untuk pihak abiskaola ambil kira dalam apa jua perancangan dan tindakan, khususnya yang berkaitan dengan pihak kementerian kaola. إن شاء الله. sebarang kelemahan yang ada, akan pihak abiskaola perbaiki demi kemajuan negara jua.

Dalam Ucapan Penagguhan ini, kaola sukacita mengajak semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan termasuk juga rakyat dan penduduk negara ini, pihak swasta, pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana, dan dewan-dewan dan pertubuhan-pertubuhan perniagaan dan perusahaan, untuk kita sama-sama sentiasa ingat mengingati akan inti pati Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 bersamaan 6 Mac 2017 yang lalu.

Satu isu mustahak yang secara spesifik baginda telah tekankan ialah berkaitan dengan ekonomi Negara. Dengan

penurunan keluaran minyak dan gas, serta kejatuhan harga minyak dunia kebelakangan ini, ia membawa kesan sangat ketara kepada prestasi dan pertumbuhan ekonomi negara atau KDNK kita.

Oleh sebab itulah, baginda masih sahaja mengingatkan kita semua untuk terus giat berusaha mempelbagaikan ekonomi negara ini. Struktur ekonomi atau KDNK negara kita yang sudah sekian lama bergantung pada hasil minyak dan gas perlu diseimbangkan melalui pertumbuhan keluaran industri ekonomi yang lain, khususnya yang di luar minyak dan gas.

Selaras juga dengan titah saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan terus berusaha untuk memastikan adanya pertumbuhan yang pesat atas keluaran sektor pertanian, penternakan, perikanan dan perhutanan serta sektor pelancongan.

Dalam ucapan mukadimah kaola ketika berbincang di Peringkat Jawatankuasa pada minggu lepas, kaola telah mengongsikan sasaran-sasaran kementerian kaola iaitu untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian, perikanan dan perhutanan daripada 1% KDNK pada tahun 2015, kepada 4% ke 5% KDNK menjelang tahun 2020. Kaola juga mengongsikan berkenaan usaha-usaha kementerian kaola untuk mengurangkan pergantungan kepada perbelanjaan kerajaan bagi merealisasikan sasaran

berkenaan contohnya melalui kaedah Perkongsian Awam dan Swasta (PPP).

Selanjutnya kaola juga sempat mengongsikan beberapa kejayaan kementerian kaola menawarkan kawasan kemajuan pertanian dan perikanan kepada pelabur-pelabur tempatan dan pelabur-pelabur asing untuk mengusahakan aktiviti-aktiviti pertanian dan perikanan terutama dengan menggunakan teknologi moden dan mensasarkan kepada pasaran eksport.

Dalam ucapan mukadimah kaola itu, kaola memang sengahaja memfokus kepada aktiviti pertanian dan perikanan yang berteknologi tinggi kerana kementerian kaola penuh berkeyakinan bahawa kedua sektor ini akan dapat membantu memacu pertumbuhan KDNK secara signifikan dalam beberapa tahun akan datang.

Dengan demikian, diharap sektor ini juga akan dapat menjana lebih banyak peluang pekerjaan, terutama dalam keadaan negara yang masih menghadapi kadar pengangguran yang agak tinggi ketika ini.

Menyentuh mengenai sektor pelancongan, yang merupakan satu topik diminati oleh kebanyakan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara, sebenarnya, pihak kaola memang sering menerima banyak cadangan dari berbagai pihak supaya mukim dan kampung di bawah jagaan masing-masing dimajukan sebagai destinasi pelancongan. Contohnya, Air Panas di Mukim Sukang, Wasai-Wasai Kampung Labi, kawasan Kampung Kuala Balai, Taman Riadah Anduki dan lain-lain lagi.

Sebagai makluman, Kementerian kaola memang sudah lama mengenali tempat-tempat berkenaan mempunyai ciri-ciri yang boleh diketengahkan sebagai destinasi pelancongan. Akan tetapi setelah menilai dari segi keutamaan, dari segi kesesuaian untuk mepakej dengan produk-produk sekitarnya, dari segi perbelanjaan kerajaan yang dilibatkan, dari segi saiz hutan-hutan yang terpaksa *disiangi*, maka beberapa tempat tertentu dimajukan lebih dahulu iaitu tempat-tempat yang kemajuannya telah dimulakan sama ada oleh pihak kerajaan atau komuniti-komuniti di kawasan berkenaan.

Dalam Dewan yang mulia ini, kaola sukacita mencadangkan sebagai satu pemikiran agar Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang berminat untuk mukim dan kampung mereka dimajukan sebagai destinasi pelancongan supaya menimba pengalaman dari kejayaan yang telah dicapai oleh beberapa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara, bahawa kebanyakannya telah berjaya tanpa bergantung kepada perbelanjaan kerajaan.

Melalui kerjasama dan kegigihan komuniti mukim dan kampung masing-masing, contohnya, MPK Sungai Matan, MPK Sungai Bunga, MPK Kapok, MPK Katimahar, MPK Belimbing, MPK Masjid Lama, Sabun, Pelompong dan Pekan Muara, MPK Lurong Sikuna, MPK Tamoi, MPK Kiudang, MPK Tanjung Maya, MPK Lamunin, MPK Belais dan Buda-Buda, MPK Sumbiling Baru, MPK Sibut dan lain-lain.

Di kesempatan ini, kaola mengucapkan tahniah dan syabas kepada Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berkenaan dan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan berusaha untuk memasukkan destinasi dan produk-produk serta aktiviti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berkenaan ke dalam pakej-pakej produk pelancongan yang bersesuaian, iaitu dengan mengambil kira produk atau aktiviti pelancongan di kawasan sekitar yang berhampiran.

Sambil kita cuba membantu mukim dan kampung yang gigih memajukan mukim dan kampung masing-masing, kementerian tidak boleh mengabaikan destinasi-destinasi utama yang sedia ada ketika ini seperti destinasi Bandar Seri Begawan, Kampung Air dan destinasi Daerah Temburong.

Kualiti destinasi tersebut mesti selalu dijaga, dipelihara dan dikukuhkan supaya pengunjung-pengunjung tidak jemu mengunjunginya. Sebagai contoh, destinasi Daerah Temburong masih banyak kekurangan dari segi kemudahan tempat tinggal yang berkualiti tinggi terutama bagi sebahagian *segmen* pasaran.

Begitu juga, tahap keselamatan kemudahan riadah dan aktiviti lasak di Batang Duri dan di Taman Ulu-Ulu adalah perlu dipantau setiap masa bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengunjung ke tempat-tempat berkenaan.

Kementerian juga berusaha untuk mengembangkan beberapa destinasi baharu yang difikirkan mempunyai

potensi yang besar untuk dijadikan calon bagi pakej pelancongan seperti pantai dan taman rekreasi perhutanan yang sudah dibangunkan.

Untuk memastikan kejayaannya dan bagi mengurangkan beban kerajaan, pihak kementerian akan terus berusaha untuk menswastakan pengurusan kemudahan awam di taman-taman berkenaan, yang kejayaan penswastaan ini adalah tertakluk kepada wujudnya potensi untuk menjana keuntungan kepada pelabur-pelabur berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekianlah sahaja yang dapat kaola sampaikan sebagai pernyataan penangguhan kaola pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2017 ini.

Sebelum kaola mengundur diri, kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan juga kepada kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara terutama jika ada yang tidak sesuai dalam tingkah laku dan tutur kata kaola ketika berhujah dalam Dewan yang mulia ini di sepanjang sesi mesyuarat kali ini, sama ada di peringkat Majlis Mesyuarat Negara atau di Peringkat Jawatankuasa. Sekian. وبالله التوفيق والهداية التامة بركاتكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas Ucapan-Ucapan Penangguhan yang telah disampaikan

oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang hari ini.

الحمد لله di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang ikhlas atas kerjasama yang telah diberikan kerana kita telah dapat melaksanakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini yang telah diadakan selama sebelas hari dengan penuh sempurna dan diadakan dalam suasana yang penuh harmoni.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis, Bentara Dewan, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan sama ada dari Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat sendiri mahupun pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang dipinjamkan dari beberapa buah kementerian dan jabatan atas usaha gigih dan komitmen yang sepenuhnya diberikan dalam menyediakan berbagai-bagai keperluan di sepanjang permesyuaratan yang kita adakan.

Kesempurnaan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini juga, adalah atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang membantu menyediakan keperluan logistik termasuklah liputan media massa dari pihak kerajaan iaitu Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Penerangan serta media cetak di dalam negeri, termasuklah surat khabar tempatan, yang telah membolehkan orang ramai mendengar dan mengikuti perbincangan-perbincangan di sepanjang persidangan ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran orang ramai untuk menyaksikan sendiri persidangan ini terlaksana selama sebelas hari.

Saya juga ingin menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli untuk membuka rasmi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 Hijriah bersamaan 6 Mac 2017 Masihi dan seterusnya berkenan mengurniakan titah pada majlis tersebut.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah amat mendalam dan mempunyai pandangan jauh dalam menzahirkan keazaman padu bagi Majlis Mesyuarat ini dapat membincangkan isu-isu mustahak secara amnya dan yang berkaitan dengan keadaan ekonomi kita pada masa ini khususnya.

Dalam melihat keadaan yang demikian, kita perlulah melipatgandakan usaha dan haruslah berwaspada terutamanya dengan harga minyak dunia yang tidak stabil umpamanya. Maka di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya kira hendaklah bekerjasama sebagai berpasukan

(*teamwork*) untuk terus giat memikirkan dalam mempelbagaikan ekonomi negara.

Dalam hasrat baginda untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang menarik, kita harus menumpukan nilai strategik yang memfokuskan *inclusive development* dengan menubuhkan dan perkembangan yang dicadangkan seperti *SME Bank*.

Ini meliputi juga struktur *human dimension* yang berteraskan rakyat atau *people centred* melalui pelaksanaan program-program seperti *I-RDY* bagi membolehkan kumpulan sasaran dapat menggunakan peluang ini dengan lebih berkesan untuk menghadapi cabaran-cabaran dunia pekerjaan dalam meningkatkan keupayaan dan kemahiran masing-masing.

Seterusnya dapat pula menangani masalah-masalah pengangguran di negara ini. Bagi kita macam mana dan apakah sumbangan kita untuk dapat mencapai serta menandai hasrat Baginda ini. Inilah saya kira cabaran yang kita hadapi.

Kementerian yang berkenaan mengenainya sangat gigih menyediakan berbagai-bagai program untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh negara, terutamanya dalam memajukan tenaga manusia yang mana program-program yang berkenaan itu jelas bertujuan untuk memberikan banyak peluang bagi yang berkenaan untuk berkecimpung dalam arena perdagangan dan perindustrian, sesuai dengan hasrat untuk menjadikan negara kita ini sebagai destinasi perdagangan dan pelaburan yang menarik.

Saya juga ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa tidak banyak saya kira dalam negara di sebelah kita ini di mana Menteri-Menteri Kabinet sendiri berhadapan dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat menjawab soalan demi soalan secara *direct*.

Ini adalah saya kira satu tarikan ataupun satu *future* yang sangat menarik bagi kita dan mencerminkan betapa usaha dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan keupayaan kerajaan dalam menangani masalah yang dihadapi oleh semua pihak yang berkenaan.

Dalam pada itu, pihak yang berkenaan itu juga sudah sekarang dapat menarik pelaburan-pelaburan yang besar dan kemungkinannya menarik lebih banyak lagi pelaburan dari luar untuk menjadikan negara kita ini terus berkembang makmur di waktu-waktu yang akan datang.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan terutamanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) atas penyediaan belanjawan negara ini bagi membolehkan kementerian-kementerian meneruskan lagi perkhidmatan-perkhidmatannya bagi tahun yang akan mendatang ini.

Dalam kita menghadapi situasi ekonomi yang merudum dan harga minyak yang masih di tahap rendah atau kurang stabil, kita haruslah bersyukur dan berpendirian positif serta hendaklah bersifat optimis

atas pemberian bajet belanjawan ini, walaupun ianya berkurangan jika dibandingkan pada tahun-tahun yang lalu.

Seharusnya juga kita bersyukur kerana pada masa yang sama cukai-cukai beberapa jenis barangan telah dikurangkan bagi kesejahteraan orang ramai dan rakyat di negara ini yang memerlukannya.

Oleh yang demikian, dalam memantapkan lagi persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya terus menggunakan *venue* Majlis Mesyuarat Negara ini dengan menumpukan dan menitikberatkan perbincangan terhadap isu-isu atau perkara-perkara yang difikirkan penting di peringkat nasional.

Manakala bagi hal-hal lain yang berupa *insubstantial* bolehlah kita selesaikan melalui sesi muzakarah atau *platform* bersama dengan kementerian-kementerian yang berkenaan atau dengan pejabat-pejabat kerajaan yang lain.

Seperti di tahun yang sudah, Menteri-Menteri Kabinet yang saya nyatakan tadi telahpun menghuraikan dengan panjang lebar rancangan-rancangan dan program-program kemajuan yang sudah pun dilaksanakan dan akan terus dilaksanakan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan dan saya kira ada di antara maklumat-maklumat itu biasanya tidak diberikan kepada khalayak ramai, tapi dalam konteks biskita, kita telah mengeluarkan dengan telus dan nyata *figures* dan maklumat-

maklumat yang berkenaan untuk kepentingan dan pengetahuan orang ramai.

Maka saya kira perkara-perkara seperti ini tidaklah patut ditinggalkan di sini sahaja. Ianya patutlah tuan-tuan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian membawanya balik ke konstitusi atau kawasan masing-masing untuk disebarluaskan supaya semua rakyat dan penduduk di negara ini akan dapat mengetahuinya betapa usaha gigih dan betapa hasrat tinggi yang diperlukan untuk semua pihak mengetahuinya bagi kepentingan kita bersama.

Maka ini adalah kewajipan, selaku Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yakni bagi Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk lebih memberikan perhatian kepada rancangan-rancangan atau inisiatif-inisiatif yang sedia ada dan sedang berjalan pada masa ini sesuai dengan keadaan yang kita hadapi.

Dalam menimbangankan Anggaran Belanjawan ini, Ahli-Ahli Yang Dilantik telah menunaikan tugas mereka masing-masing, saya kira dengan memberi nasihat, cadangan, pandangan dan teguran untuk menambahbaikkan lagi dasar kerajaan bagi tahun yang berkenaan.

Maka bagi panduan kerajaan, bagi memantapkan lagi hala tuju dasar ini ke arah kemakmuran kita, kesejahteraan, keamanan negara yang digelar

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ عَفُورٌ

Dengan ucapan yang ringkas ini maka mengikut Peruntukan 35(i) dari

Peraturan Majlis Mesyuarat Negara, maka Majlis ini ditangguhkan pada satu masa yang belum kita tetapkan tarikhnya, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kita akan berjumpa lagi. Sekian.

وبالله التوفيق والهداية أسألهم عنكم ورحمة الله وبركاته

(Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengetuk lapik (alas) dengan gavel (tukul kayu) menandakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)

Majlis kita tangguhkan.

(Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)